



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
NEGERI PERAK**

PEPERIKSAAN PERNILAIAN BERSAMA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Ogos

1 $\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1 Manakah yang berikut menunjukkan perbezaan antara simpan kira dan perakaunan?

	Simpan Kira	Perakaunan
A	Melapor maklumat kewangan	Merekod urus niaga perniagaan
B	Proses awal perakaunan	Meliputi skop yang lebih luas dalam proses perakaunan
C	Memberi maklumat keuntungan perniagaan	Memberi maklumat kedudukan kewangan perniagaan
D	Proses mengelas, merekod, mentafsir dan menganalisis maklumat kewangan	Proses mengelas, merekod dan meringkas urus niaga dalam nilai wang

2 Maklumat berikut merujuk kepada Syarikat Seri Bhd.

Syarikat Seri Bhd. yang mempunyai aset bukan semasa sebanyak RM1 000 000 menganggap belanja membeli pasu hiasan untuk pejabat tidak akan memberi kesan kepada perniagaannya.

Apakah konsep perakaunan yang berkaitan?

- A Materialiti
- B Ketekalan
- C Pemandanan
- D Entiti berasingan


3 Syarikat Daya Bina Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat hartanah di Kuala Lumpur. Apakah ciri-ciri syarikat tersebut?

- I Liabiliti pemiliknya tidak terhad
 - II Ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965
 - III Saham syarikat tidak disenaraikan di Bursa Saham
 - IV Laporan kewangannya didedahkan kepada orang ramai
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

4 Antara yang berikut, urus niaga manakah mengurangkan untung?

- A Membeli aset bukan semasa
- B Memberi diskaun kepada pelanggan
- C Membayar hutang kepada pembekal
- D Mengeluarkan tunai untuk kegunaan sendiri

- 5 Rajah 1 di bawah adalah berkaitan dengan persamaan perakaunan.



Rajah 1

Apakah R?

- A Kadar bayaran
 - B Alatan pejabat
 - C Sewa diterima
 - D Pemiutang
- 6 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

Encik Raja, pemilik Kedai Perabot Raja telah mengeluarkan sebuah almari kaca untuk digunakan di pejabat pemasarannya.

Apakah pengelasan item bagi almari kaca?

- A Modal
 - B Liabiliti
 - C Aset semasa
 - D Aset bukan semasa
- 7 Antara berikut, yang manakah pasangan urus niaga dan buku catatan pertama yang betul?

	Urusniaga	Buku Catatan Pertama
A	Menghantar nota debit kerana harga barang berkurangan caj	Jurnal Am
B	Pulangan barang niaga oleh penghutang kerana kerosakan	Jurnal Pulangan Belian
C	Diskaun diberikan kepada penghutang telah dibatalkan kerana cek tak layak	Jurnal Am
D	Cek yang diterima dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'	Jurnal Jualan

- 8 Maklumat di bawah diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2010		RM
Jan. 10	Najmi Enterprise	200
20	Izani & Adilah Trading	250
31	Z	450

Apakah **Z**?

- A Akaun Jualan
 - B Pelbagai Penghutang
 - C Akaun Pulangan Jualan
 - D Jumlah Jurnal Pulangan Jualan
- 9 Urus niaga yang manakah **tidak** dicatat dalam Jurnal Am?
- A Membeli perabot pejabat secara kredit
 - B Membawa masuk komputer peribadi ke dalam perniagaan
 - C Memindahkan hasil dan belanja ke akaun untung rugi
 - D Mengeluarkan wang tunai untuk membayar insurans kereta sendiri

- 10 Dokumen 1 di bawah dihantar oleh Kedai Buku Bistari kepada pelanggannya.

SALINAN		
KEDAI BUKU BISTARI		
No 5, Jln IB3		
32610 Seri Iskandar		
Tel. No: 05-3712120		
Kepada:		
Kedai Buku Hisham		
Jln. 9, Taman Maju		
42200 Bukit Mertajam		
		Tarikh: 25 Mac 2010
NO. INVOIS	KETERANGAN	JUMLAH (RM)
A 220	Harga 40 buah buku Prinsip Perakaunan terkurang caj RM3 sebuah (40 X RM 3)	120.00
	JUMLAH	120.00

(Ringgit : Satu ratus dan dua puluh sahaja)

Farah Halimah
.....
Pengurus

Dokumen 1

Apakah Dokumen 1?

- A Memo
 - B Nota debit
 - C Nota kredit
 - D Nota serahan
- 11 Jadual di bawah menunjukkan dokumen punca dan buku catatan pertama yang berkaitan.

	Dokumen Punca	Buku Catatan Pertama
I	Resit (asal)	Buku Tunai
II	Invois (salinan)	Jurnal Jualan
III	Bil Tunai (asal)	Jurnal Belian
IV	Nota Kredit (asal)	Jurnal Pulangan Jualan

Manakah merupakan pasangan yang betul?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Berikut adalah satu akaun dalam sebuah perniagaan.

Akaun Z	
Debit	Kredit
Bertambah	Berkurang

Apakah Akaun Z?

- A Akaun Modal
 - B Akaun Jualan
 - C Akaun Penghutang
 - D Akaun Sewa Diterima
- 13 Urus niaga yang manakah direkod dalam buku tunai runcit?
- A Pembelian setem secara tunai
 - B Pembelian perabot secara tunai
 - C Pembayaran sewa kedai secara tunai
 - D Penerimaan tunai daripada penghutang
- 14 Perbualan berikut berlaku antara Encik Faris dan Cik Kar Hui di premis perniagaan mereka.

Encik Faris : Cik Kar Hui, tolong sediakan cek untuk bayaran insurans kereta saya yang akan tamat pada hujung bulan ini ya.

Cik Kar Hui : Berapakah nilainya, tuan?

Encik Faris : RM 750 sahaja.

Cik Kar Hui : Baiklah tuan.

Encik Faris : Terima kasih.

Apakah catatan yang perlu dibuat dalam akaun perniagaan?

	Debit	Kredit
A	Insurans	Bank
B	Bank	Insurans
C	Ambilan	Bank
D	Bank	Ambilan

15 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Ubat Mimi.

	RM
Sewa terakru 1 Januari 2010	1 500
Bayaran sewa tahun 2010	7 000
Sewa bulanan	500

Berapakah sewa terakru pada akhir tahun 2010?

- A RM 400
- B RM 500
- C RM 2 500
- D RM 5 000

16 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

Pada 30 Jun 2010 iaitu pada akhir tempoh perakaunan, jumlah insurans yang terlebih bayar ialah RM300

Apakah catatan pelarasan bagi urus niaga tersebut?

A

Akaun Insurans			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans terakru	300	RM

Akaun Insurans Terakru			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans	300	RM

B

Akaun Insurans			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans terakru	300	RM

Akaun Insurans Terakru			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans	300	RM

C

Akaun Insurans			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans terdahulu	300	RM

Akaun Insurans Terdahulu			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans	300	RM

D

Akaun Insurans			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans terdahulu	300	RM

Akaun Insurans Terdahulu			
2010		RM	2010
Jun 30	Insurans	300	RM

17 Berikut ialah maklumat pembelian kenderaan Berjaya Enterprise pada 1 April 2009.

Kos kenderaan	RM65 000
Nilai skrap	RM2 000
Usia guna kenderaan	25 tahun

Berapakah susut nilai kenderaan pada 31 Mac 2010?

- A RM 2 680
- B RM 2 600
- C RM 2 520
- D RM 2 000

18 Berikut ialah pengelasan akaun pada akhir tempoh perakaunan.

	Butir	Pengelasan
I	Sewa dibayar terakru	Liabiliti semasa
II	Sewa dibayar terdahulu	Aset semasa
III	Komisen diterima terakru	Liabiliti semasa
IV	Komisen diterima terdahulu	Aset semasa

Pengelasan akaun manakah yang betul?

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

19 Antara yang berikut, manakah akan direkodkan dalam Akaun Kawalan Penghutang?

- I Bank
- II Pulangan masuk
- III Angkutan masuk
- IV Peruntukan Hutang Ragu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Petikan akaun berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Raju

Akaun Kawalan Pemiutang					
2009		RM	2009		RM
31 Dis	Bank	52 000	1 Jan	Baki b/b	26 000
	Diskaun diterima	3 200			
	Baki h/b	22 000			
		_____			_____
		=====	2010		=====
			1 Jan	Baki b/b	22 000

Berapakah belian kredit?

- A RM 22 000
 - B RM 26 000
 - C RM 51 200
 - D RM 77 200
- 21 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?
- A Menyelaras baki buku tunai dan baki Penyata Bank
 - B Merekodkan baki buku tunai dan baki Penyata Bank
 - C Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek
 - D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang
- 22 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Wai Loon.

Baki awal di Buku Tunai dan di Penyata Bank adalah RM5 000. Sekeping cek yang bernilai RM350 yang dikeluarkan oleh pemilik perniagaan masih belum dikemukakan kepada bank.

Apakah kesannya baki di Penyata Bank berbanding baki di Buku Tunai?

- A Baki debit berlebihan RM350
- B Baki kredit berlebihan RM350
- C Baki debit berkurangan RM350
- D Baki kredit berkurangan RM350

23 Perbualan berikut berlaku antara pengurus dengan pekerjaanya.



Apakah jenis kesilapan di atas?

- A Kesilapan Prinsip
- B Kesilapan Komisen
- C Kesilapan Songsang
- D Kesilapan Saling Mengimbangi

24 Imbangan duga berikut mengandungi beberapa kesilapan.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2010		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Alatan pejabat	8 000	
Penghutang dan Pemiutang	3 500	1 250
Overdraf bank	4 300	
Komisen diterima		500
Angkutan masuk	750	
Angkutan keluar		1 200
Belian dan Jualan	6 800	9 900
Pulangan jualan		300
Modal		6 000
Gaji	1 400	
	_____	_____
	=====	=====

Berapakah jumlah Imbangan Duga yang tepat?

- A RM 19 150
- B RM 21 950
- C RM 23 450
- D RM 24 750

25 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Adam dan Maya pada 31 Julai 2010.

	RM
Untung bersih	6 300
Faedah atas modal	1 200
Nisbah pembahagian untung rugi 2:1	

Berapakah bahagian untung yang diterima oleh Adam?

- A RM 1 700
- B RM 3 400
- C RM 4 200
- D RM 5 000

26 Data berikut menunjukkan belanjawan tunai Iris Trading bagi bulan Mac 2010.

	RM
Baki awal	14 500
<u>Penerimaan:</u>	
Jualan	15 790
Penghutang	22 600
<hr/>	
<u>Pembayaran:</u>	
Pemiutang	13 400
Upah	1 800
Sewa kedai	6 000
Belian	7 900
<hr/>	
Baki akhir	?

Berapakah baki akhir belanjawan tunai Iris Trading?

- A RM 52 890
- B RM 38 390
- C RM 29 100
- D RM 23 790

27 Maklumat berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Jumlah aset ialah RM30 500 dan jumlah liabiliti ialah RM4 000. Dalam proses realisasi, semua aset dijual pada harga RM24 000 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM 2 500
- B RM 6 500
- C RM 10 500
- D RM 26 000

28 Antara berikut, yang manakah menunjukkan Akaun Semasa Foo Seng yang tepat?

A

Akaun Semasa Foo Seng			
	RM		RM
Faedah atas pinjaman	500	Faedah atas ambilan	10
Kongsi rugi	200	Faedah atas modal	100

B

Akaun Semasa Foo Seng			
	RM		RM
Faedah atas ambilan	10	Faedah atas modal	100
Kongsi rugi	200	Faedah atas pinjaman	500

C

Akaun Semasa Foo Seng			
	RM		RM
Faedah atas ambilan	10	Faedah atas pinjaman	500
Faedah atas modal	100	Kongsi rugi	200

D

Akaun Semasa Foo Seng			
	RM		RM
Faedah atas modal	100	Faedah atas ambilan	10
Kongsi rugi	200	Faedah atas pinjaman	500

29 Apakah yang menyebabkan berlaku kurangan dalam akaun modal pekongsi?

- A Untung realisasi yang diagih kepada pekongsi
- B Pekongsi mempunyai modal yang tinggi
- C Pekongsi membuat ambilan yang lebih
- D Nilai aset yang diambil alih rendah

30 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Selkom Berhad.

<u>Modal dibenarkan:</u>	RM
3 000 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham	3 000 000
5 000 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham	2 500 000
	<u>5 500 000</u>
<u>Modal diterbitkan dan berbayar:</u>	
800 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham	800 000
Q	<u>1 500 000</u>
	<u>2 300 000</u>

Apakah Q?

- A 1 500 000 unit saham biasa RM1 sesaham
- B 3 000 000 unit saham biasa RM0.50 sesaham
- C 1 500 000 unit 10% saham keutamaan RM1 sesaham
- D 3 000 000 unit 10% saham keutamaan RM0.50 sesaham

31 Antara berikut, jenis modal yang manakah disenaraikan di bawah Ekuiti Pemilik?

- I Modal belum diterbitkan
 - II Modal belum berbayar
 - III Modal dibenarkan
 - IV Modal diterbitkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

32 Antara yang berikut, manakah yang dikategorikan sebagai **liabiliti** semasa bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Yuran lapuk
- B Yuran masuk
- C Yuran terdahulu
- D Yuran tertunggak

33 Berikut adalah perbandingan antara perniagaan milikan tunggal dan kelab dan persatuan. Pilih pasangan yang betul.

	Milikan Tunggal	Kelab dan Persatuan
A	Rugi Bersih	Kurangan
B	Kunci Kira-kira	Akaun Dana
C	Buku Tunai	Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Penerimaan dan Pembayaran

34 Pernyataan berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Perniagaan KART tidak merekod urus niaga mengikut sistem catatan bergu.

Apakah kaedah yang digunakan untuk menghitung untung atau rugi perniagaannya?

- A Perbandingan antara ekuiti pemilik dengan ambilan
- B Perbandingan antara modal awal dan modal akhir
- C Persamaan antara hasil dengan belanja
- D Pelarasan antara aset dengan liabiliti

35 Berikut ialah petikan Akaun Modal Kedai Dobi Nina

Akaun Modal			
2009	RM	2009	RM
Dis 31 Ambilan	1 600	Jan 1 Baki b/b	19 000
		Dis 31 Bank	4 000

Baki Akaun Modal pada 31 Disember 2009 adalah RM26 000. Hitungkan untung atau rugi bersih Kedai Dobi Nina?

- A Untung RM 4 600
- B Untung RM 4 740
- C Rugi RM 4 600
- D Rugi RM 4 740

36 Antara berikut, perbelanjaan manakah termasuk dalam komponen kos overhed sebuah perkilangan?

- A Stok awal bahan mentah
- B Royalti dan cap dagangan
- C Stok akhir kerja dalam proses
- D Gaji pengurus dan penyelia kilang

37 Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Kilang Berjaya.

Bulan	Januari	Februari
Jumlah pengeluaran	8 000 unit	9 000 unit
Jumlah kos	RM24 000	RM25 200

Berapakah kos berubah seunit?

- A RM 3.00
- B RM 2.90
- C RM 2.80
- D RM 1.20

38 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut GAYA yang mengeluarkan kasut yang berjenama Xpress.

Harga jualan seunit	RM 26.00
Kos berubah seunit	RM 20 00
Kos tetap adalah sebanyak	RM 48 000

Berapakah jumlah keluaran yang perlu dijual untuk mencapai untung RM30 000?

- A 3 000 unit
- B 5 000 unit
- C 8 000 unit
- D 13 000 unit

- 39 Apakah maksud kadar pusing ganti stok yang rendah?
- I Stok jualan kurang laris
 - II Tidak cekap dalam mengurus stok
 - III Pusing ganti stok yang terlalu kerap
 - IV Mampu menjelaskan hutang pembelian stok
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 40 Apakah kelebihan menggunakan Lembaran Helaian Elektronik (LHE) untuk menghasilkan maklumat perakaunan?
- A Pengiraan dapat dilakukan dengan tepat
 - B Penyata kewangan dapat disediakan tepat pada masanya
 - C Dapat menyediakan maklumat perakaunan yang membolehkan pengguna membuat keputusan
 - D Penjumlahan dan pengiraan baki lebih cepat dan tepat kerana pengiraan dilakukan dengan formula.

KERTAS SOALAN TAMAT